

Platform dekat dengan OKU

► Kolej Kediaman Sri Angkasa UMS dan Prisma anjur Voice For You

UB 1.3.2018 12



KOLEJ Kediaman Sri Angkasa Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuka sesi pengajian tahun baharu bagi semester 2 sesi 2017/2018 melalui penganjuran program Voice For You baru-baru ini.

Program mempelajari bahasa isyarat asas yang julung kalinya diadakan di peringkat kolej kediaman UMS. Program ini adalah kerjasama antara pihak Persatuan Orang Pekak Islam Sabah (Prisma) dengan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa



PROGRAM Voice For You untuk kemudahan OKU.

(Jakmas) Kolej Kediaman Sri Angkasa, Universiti Malaysia Sabah.

Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Dr Ismail Ali, pelajar OKU tidak lagi perlu risau akan kemudahan mereka di IPT nanti kerana kebanyakan universiti menyediakan kemudahan khas kepada penuntut OKU

baik dari segi alat bantu pembelajaran, bilik kuliah, asrama dan kemudahan pengangkutan.

Terdahulu di dalam ucapan perasmian program itu oleh Pengetua Kolej Kediaman Sri Angkasa Wijaya Kamal Ramli, penganjuran program seperti ini mampu memberi nilai tambah

kepada mahasiswa kolej kediaman khususnya dan universiti amnya dalam memahami asas bahasa isyarat di samping mampu membantu rakan-rakan lain khususnya kalangan orang lelilan upaya (OKU) dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka di kampus.

Pengarah Program Voice For You Ayla Farihah Zainuddin dalam ucapan alu-aluannya mengatakan idea untuk mengadakan program ini adalah hasil

“ Penganjuran program seperti ini mampu memberi nilai tambah kepada mahasiswa kolej kediaman khususnya dan universiti amnya dalam memahami asas bahasa isyarat di samping mampu membantu rakan-rakan lain khususnya kalangan orang lelilan upaya (OKU) dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka di kampus. ”

WIJAYA KAMAL RAMLI

Pengetua Kolej Kediaman Sri Angkasa UMS



PESERTA yang mengikuti program Voice For You.

dari pemantauan dan pengalaman sendiri apabila berhadapan dengan golongan OKU adalah sukar untuk membantu mereka disebabkan oleh masalah komunikasi.

Beliau juga berharap melalui penganjuran program ini, dia dan rakan-rakan lain mampu untuk mempelajari asas bahasa isyarat dan dapat diperaktikkan suatu masa nanti.

Program ini dibimbing sendiri oleh wakil-wakil

Prisma iaitu Syamsudin Nurdin, Katijah Kapin dan Schoastica Jilos. Program ini akan berjalan sepanjang bulan Februari dan Mac 2018 dan diadakan di Bilik Seminar L, Kolej Kediaman Sri Angkasa.

Majlis ini turut dihadiri oleh Felo Kolej Kediaman Sri Angkasa, barisan kepimpinan Jakmas dan Sekretariat serta residen kolej kediaman yang dianggarkan seramai 40 orang datang pada hari berkenaan.